

Mengelektrifikasi Sarawak dan Sekelilingnya

Sarawak mensasar untuk dielektrifikasi sepenuhnya menjelang 2025.

Justeru, dalam usaha mencapai matlamat ini, Kerajaan Sarawak pada Oktober 2018 lalu mengumumkan dana sebanyak RM2.37 bilion bagi membekal 99% negeri Sarawak menjelang 2020 sebelum menuju elektrifikasi sepenuhnya pada 2025.

Sarawak Energy melaksanakan Pelan Induk Elektrifikasi Luar Bandar yang Dipercepatkan dengan Kementerian Utiliti.



Matlamat 7: Memastikan akses tenaga mampu milik, boleh dipercayai, mampan dan moden kepada semua.
Akses kepada tenaga mampu milik, boleh dipercayai dan mampan adalah penting dalam mencapai pelbagai Matlamat Pembangunan Lestari – daripada memansuhkan kebuluran melalui kemajuan dalam bidang kesihatan, pendidikan, bekalan air dan pengindustrian, kepada mengurangkan perubahan iklim.



Penduduk di kawasan pedalaman kini menikmati bekalan elektrik 24-jam melalui tenaga solar



Pengangkutan bahan binaan menjadi satu cabaran tetapi ini dapat dilakukan dengan bantuan daripada penduduk.



Sistem solar yang ditempatkan berdekatan dengan rumah panjang memberi bekalan elektrik 24 jam kepada penduduk.

Skim Elektrifikasi Luar Bandar atau RES

Pendekatan konvensional dengan menambah garisan grid sedia ada ke kawasan berkenaan selain mendirikan tiang elektrik di sisir jalan pedalaman.

Skim Bekalan Tenaga Luar Bandar atau RPSS

Melengkapkan RES dengan mewujudkan kabel transmisi baru dan pencawang, membolehkan garisan grid sedia ada dipanjangkan ke kawasan terpencil yang selari dengan pembangunan infrastruktur pedalaman Sarawak.

Grid

Strategi-strategi RE

Off Grid

Skim Elektrifikasi Luar Bandar Alternatif Sarawak atau SARES

Penyelesaian segera bagi menyediakan sistem solar atau hidro mikro berasingan buat isi rumah di kawasan terpencil, hasil kerjasama dengan komuniti. Kos ditanggung oleh Kerajaan Sarawak dan Sarawak Energy memandangkan komuniti berkenaan tidak akan membayar untuk tenaga elektrik sebaik ia mula dijana. Penyelenggaraan sistem juga dilakukan oleh komuniti itu sendiri.

Stesen Tenaga Hibrid

Projek skala utiliti bagi penyelesaian besar seperti Bario, dengan dua sumber penjanaan daripada solar atau hidro mikro dan disokong oleh diesel – bagi membekalkan rangkaian off-grid. Di sebalik kos bekalan tenaga yang tinggi, perkampungan dan isi rumah terpencil ini dapat menikmati tarif domestik rendah Sarawak.

Inisiatif Sosial Korporat Sarawak Energy

Menyediakan sistem solar berasingan buat rumah panjang, e.g. komuniti hulu Hidroelektrik Batang Ai

Tujuh Peratus Terakhir Isi Rumah Luar Bandar

Populasi bandar Sarawak di bandar-bandar utama dan pekan sudah dielektrifikasi sepenuhnya dengan akses 100% kepada tenaga elektrik yang mampu milik dan boleh diperbaharui daripada pelaburan Sarawak Energy dalam sistem tenaga moden. Bagaimanapun, untuk mencapai elektrifikasi penuh menjelang 2025, sekitar 22,360 atau 7% isi rumah di pedalaman memerlukan akses kepada tenaga elektrik 24 jam. Bergerak ke arah ini, fasa berikutnya bakal menyambungkan:

Grid

Lebih kurang
14,000
isi rumah

Off Grid

SARES

Lebih kurang
8,360
isi rumah

Cabaran dan Isu

- Laluan mencabar, berbatu dan berliku untuk sampai ke lokasi terpencil
- Mendapatkan kontraktor yang berkemampuan dan boleh dipercayai untuk melaksanakan tugas berkenaan di kawasan pedalaman
- Kekurangan teknikal (keterhadan kapasiti) dan ekonomi (kos perbelanjaan tinggi)
- Penyelenggaraan; semak samun, kewujudan haiwan liar, peluru sesat daripada aktiviti pemburuan
- Isu bukan teknikal; kebenaran tuan tanah, kerjasama daripada komuniti

Menyokong Pembangunan Pedalaman Lestari

Akses penuh kepada tenaga elektrik di seluruh Sarawak bakal membawa manfaat ketara dengan menawarkan peluang untuk taraf hidup yang lebih baik, lebih mudah, lebih jimat dan membolehkan perniagaan komuniti pedalaman Sarawak maju dan berkembang, juga merapatkan jurang luar bandar – bandar.

Tenaga elektrik merupakan satu keperluan bagi pembangunan pedalaman yang lestari. Kerjasama juga diperlukan untuk pelaksanaan projek-projek ini berjaya supaya semua rakyat Sarawak mempunyai akses kepada bekalan elektrik 24 jam di mana sahaja mereka berada.

www.sarawakenergy.com

Semuanya bermula dengan...

Inisiatif elektrifikasi kawasan luar bandar menerima keutamaan pada 2009 ketika liputan di kawasan pedalaman pada hanya 56%. Hanya sepuluh tahun lepas, hampir setengah daripada jumlah isi rumah di perkampungan tanah tinggi yang terpencil serta pedalaman di kepala air yang kebanyakannya berada di pusat dan utara Sarawak termasuk Tatau, Kanowit, Pakan, Kapit dan Telang Usan masih bergantung kepada penjana diesel yang ditanggung sendiri.

Namun di sebalik pelbagai cabaran, liputan di kawasan luar bandar berjaya meningkat sebanyak 37% dalam tempoh 10 tahun lalu. Ini dilaksanakan melalui penerapan strategi berbeza yang dijadikan nyata oleh kemajuan dalam teknologi pembaharuan tenaga dan pengurangan kos serta pembangunan infrastruktur yang lebih baik seperti jalan ke kawasan pedalaman. Strategi-strategi ini diguna pakai di kawasan pedalaman mengikut kesesuaian hasil penilaian sendiri di kawasan berkenaan, kajian kemungkinan terdahulu serta rundingan bersama komuniti.

Power to Grow